

03 NOV 1996

Mirzan

MIRZAN MAHATHIR MINTA BANTUAN TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN AUSTRALIA

By: Neville D'Cruz

SYDNEY, 3 Nov (Bernama) -- Presiden Institut Strateji dan Kepimpinan Asia (Asli) Mirzan Mahathir semalam menyeru syarikat-syarikat Australia membantu Malaysia dalam bidang teknologi dan penyelidikan.

Bercakap di Dialog Perniagaan Malaysia-Australia di sebuah hotel terkemuka di Double Bay di sini, Mirzan berkata oleh kerana pertumbuhan ekonom

i Malaysia yang kukuh, para pelabur dan pengeksport Australia mempunyai peluang yang baik untuk mengadakan hubungan untuk faedah bersama.

"Kami dengan iklas mengharapkan supaya syarikat teknologi maklumat dan multimedia Australian akan dapat menyumbang sepenuhnya kepada Koridor Super Multimedia dan projek-projek Putrajaya Malaysia," katanya.

"Walaupun kita mempunyai sebab untuk berbangga dengan perhubungan kita yang semakin baik, kita perlu berusaha untuk meningkatkan perhubungan dua hala kita

. Kuala Lumpur dan Canberra perlu bersungguh-sungguh mengeratkan lagi perhubungan yang sedang berkembang ini.

"Saya pasti kedua-dua kerajaan kita bersedia tanpa ragu untuk membuang semua salah sangka dan menggantikannya dengan sikap positif bersesuaian dengan hubungan dua hala," katanya.

Beliau berkata dialog itu merupakan gelanggang terbaik untuk menerokai idea-idea baru untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perhubungan antara kedua-dua negara, bukan sahaja dari segi perdagangan tetapi juga dari segi hubungan rakyat ke rakyat.

Kira-kira 150 pemimpin perniagaan dari Malaysia dan Australia hadir di dialog itu. Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Australia Tim Fischer dan Menteri Pembangunan Usahawan Malaysia Datuk Mustapa Mohamed.

Mirzan berharap delegasi Malaysia akan mendapat faedah dari dialog itu dan "membawa pulang idea-diea baru yang bernilai dan juga mengadakan persahabatan dan hubungan strategik yang baru".

Langkah keselamatan di hotel itu, Ritz-Carlton diperketatkan lebih dari biasa kerana kehadiran Puteri Diana yang menghinap di situ. Ada antara wakil Malaysia yang berpeluang melihatnya pada masa rehat. -- BERNAMA

NDC WAT